

**FAKTOR TEKANAN DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI
ISLAM MELAKA SEPANJANG TEMPOH PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN ATAS TALIAN**

**Muhammad Izzat Mailis
Zuriani Hanim Zaini
Norjumira Abd Raof
Nur Hafizaliyana Hassan**
Kolej Universiti Islam Melaka

Corresponding Author's Email: muhhammadizzat@kuim.edu.my

Article History:

Received : 1 November 2021
Accepted : 8 November 2021
Published : 30 December 2021

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti faktor tekanan dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) sepanjang tempoh pelaksanaan pembelajaran atas talian yang dijalankan dalam era pandemik Covid-19. Kajian ini melibatkan 148 orang pelajar Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAKK) semester 5. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan deskriptif dengan menggunakan nilai min. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian untuk mendapatkan maklum balas pelajar tentang faktor tekanan yang dihadapi dalam pelaksanaan pembelajaran atas talian. Dapatan kajian bagi ketiga-tiga aspek yang dikaji berada pada tahap yang sederhana, iaitu daripada aspek pembelajaran pelajar (3.49), aspek kewangan (3.61) dan aspek peribadi (3.44). Implikasi kepada kajian ini memberikan satu inisiatif untuk para pensyarah mempelbagaikan kemahiran teknologi yang boleh membantu memudahkan bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran supaya ia dapat mengurangkan tekanan para pelajar. Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya mengenal pasti faktor tekanan yang dominan dalam kalangan pelajar KUIM dan diharapkan kajian ini dapat memberi kesedaran kepada semua pihak terutama ibu bapa dan pihak universiti agar lebih sensitif dengan masalah yang dialami para pelajar.

Kata kunci: Faktor tekanan, pelajar Kolej Universiti Islam Melaka, pelaksanaan pembelajaran atas talian.

**PRESSURE FACTORS AMONG UNIVERSITY COLLEGE OF ISLAM MELAKA STUDENTS
DURING THE IMPLEMENTATION PERIOD OF ONLINE LEARNING**

Abstract

The purpose of this study was to identify stress factors among students of University College of Islam Melaka (UCIM) during the implementation period of online learning conducted in the era of the Covid-19 pandemic. This study involved 148 students of Diploma in Early Childhood Education (DECE) in semester 5. This study is a quantitative study that uses a descriptive survey method using mean values. Questionnaires were used as a research instrument to obtain students' feedback on the stress factors they faced in the implementation of this online learning. The findings of the study for the three aspects studied are at a moderate level, namely from the aspect of student learning (3.49), financial aspect (3.61) and personal aspect (3.44). Implications to this study provide an initiative for lecturers to diversify technological skills that can help facilitate to facilitate the teaching and learning process so that it can reduce the stress of students. In conclusion, this study has succeeded in identifying the dominant stress factors among UCIM students and it is hoped that this study can provide awareness to all parties, especially parents and the university to be more sensitive to the problems experienced by students.

Keywords: Pressure factors, University College of Islam Melaka student's, online learning implementation.

PENGENALAN

Umum mengetahui bahawa situasi norma baharu bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran atas talian telah masuk pada tahun kedua yang melibatkan semua institusi pendidikan di Malaysia. Baik institusi pendidikan sekolah maupun institusi pendidikan tinggi, ia masih lagi dijalankan secara atas talian. Hal ini berikutan dengan keadaan kes harian Covid-19 yang tidak menentu di seluruh negara pada hari ini. Walau bagaimanapun, aktiviti pengajaran dan pembelajaran tetap dilaksanakan selaras dengan arahan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Disebabkan hal itu, banyak perkara yang telah dialami pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) khususnya sepanjang dua tahun ini apabila terpaksa berdepan dengan pembelajaran atas talian sepanjang tempoh pandemik. Menurut Hariayati Ariffin (2021), kajian rambang yang membabitkan 100 orang pelajar universiti di sekitar Shah Alam mendapat 40 peratus mengaku mengalami tekanan dan kemurungan disebabkan pembelajaran dalam talian. Menurut Nor Haslina Hashim dalam Shazarina Zdainal Abidin, Suziana Hanini, Suhana Mohamed Lip, Norshilawani, Natasha Ariffin, Mohamad Fuad, Sapie Sabilan (2020), perubahan kepada corak pengajaran dan pembelajaran (PdP) atas talian telah menimbulkan keimbangan bukan sahaja dalam kalangan pelajar malah pensyarah juga turut menghadapi keresanahan akan perkara ini. Tambahan pula, keadaan ini bukan sahaja menimbulkan tekanan kepada emosi malah turut juga mengganggu kefungsian mental dan fizikal. Raja Nur Faznie Aida (2020) turut menyatakan bahawa pendidikan dan pembelajaran *online* memberi kesan terhadap kesihatan mental, fizikal, emosi dan juga sosial. Justeru itu, sudah tentu ketidakstabilan pencapaian pelajar dalam aktiviti pembelajaran akan berlaku disebabkan oleh hal yang mereka telah alami.

Namun begitu, aktiviti pembelajaran pelajar perlu dijalankan seperti biasa secara atas talian dengan melihat kepada peningkatan kes harian Covid-19 yang melanda negara kita sejak kebelakangan ini. Melihat kepada realitinya, pembelajaran atas talian yang dilaksanakan ini sebenarnya bukan mudah seperti yang disangka. Ia sungguh mencabar keupayaan pensyarah untuk memikirkan strategi pengajaran yang bersesuaian agar pelajar dapat memahami penyampaian pembelajaran tersebut (Mohd Fairuz, Zetty Akmar, Mohd Faiz, Mat Rahimi, Hapini Awang, 2020).

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian memerlukan komitmen daripada pensyarah dan juga pelajar kerana mereka perlu saling berhubungan melalui platform yang digunakan sama ada segerak (*synchronously*) atau tidak segerak (*asynchronously*). Contoh platform segerak yang sering digunakan dalam pembelajaran atas talian oleh pensyarah ialah *Google Meet*, *Cisco Webex* dan *Zoom* manakala platform tidak segerak pula seperti *Google Classroom*, *Edmodo*, emel, *whatsapp* dan *telegram*.

PERNYATAAN MASALAH

Para pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia telah didedahkan dengan kaedah pembelajaran konvensional sejak dahulu lagi sebelum munculnya pandemik Covid-19 ini. Aktiviti pembelajaran pelajar seperti kuliah, tutorial, perbincangan kumpulan, pembentangan, seminar, kajian lapangan dan sebagainya dilaksanakan secara bersemuka (*face-to-face*) memudahkan untuk berbincang dengan rakan-rakan dan pensyarah tentang sesuatu perkara. Pembelajaran boleh dilaksanakan pada bila-bila masa apabila kaedahnya secara atas talian. Namun begitu, kaedah pembelajaran atas talian yang digunakan pada masa ini mempunyai kebaikan dan kelebihannya. Walaupun ia telah dijalankan selama hampir dua tahun, terdapat juga masalah-masalah yang dialami pelajar, khususnya terhadap penglibatan mereka dalam aktiviti pembelajaran secara atas talian.

Masalah yang sering dihadapi pelajar ialah rangkaian mudah alih yang lemah dan faktor-faktor lain yang dialami menyebabkan mereka berasa tekanan. Ia dibuktikan lagi dengan kenyataan daripada Abdul Aziz Ishak dan Aida Zuraina (2020) yang menyatakan bahawa pembelajaran atas talian telah memberikan implikasi besar terhadap pengalaman individu yang melaluinya sama ada mereka berada di kawasan bandar maupun di kawasan pedalaman. Seperti yang diketahui, apabila seseorang individu itu mengalami masalah, ia pasti akan mendatangkan masalah-masalah yang lain. Dalam konteks pembelajaran atas talian, sememangnya tekanan yang dialami pelajar ini perlu dipandang serius oleh semua pihak agar proses penyampaian dan penerimaan ilmu pengetahuan dapat dilaksanakan dengan baik tanpa berlaku sebarang perkara yang tidak diingini. Menurut Dhawan dalam Abdul Aziz Ishak dan Aida Zuraina (2020) menyatakan bahawa sememangnya banyak faktor yang mempengaruhi pelajar kerana masa yang terlalu fleksibel hingga menyebabkan mereka gagal memberikan tumpuan dan mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan dalam tempoh pelaksanaan PdP atas talian ini.

Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor tekanan yang dialami pelajar di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) sepanjang tempoh pelaksanaan pembelajaran atas talian dijalankan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini telah menetapkan tiga (3) objektif yang dilihat penting untuk dikaji. Antaranya ialah:

- i. Mengenal pasti faktor tekanan dari aspek pembelajaran pelajar Kolej Universiti Islam Melaka sepanjang tempoh pelaksanaan pembelajaran atas talian;
- ii. Mengenal pasti faktor tekanan dari aspek kewangan pelajar Kolej Universiti Islam Melaka sepanjang tempoh pelaksanaan pembelajaran atas talian; dan
- iii. Mengenal pasti faktor tekanan daripada aspek peribadi pelajar Kolej Universiti Islam Melaka sepanjang tempoh pelaksanaan pembelajaran atas talian.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini memperincikan tiga (3) soalan kajian yang akan menjawab kepada keseluruhan kajian ini. Antaranya ialah:

- i. Apakah faktor tekanan daripada aspek pembelajaran pelajar Kolej Universiti Islam Melaka sepanjang tempoh pelaksanaan pembelajaran atas talian?
- ii. Apakah faktor tekanan daripada aspek kewangan pelajar Kolej Universiti Islam Melaka sepanjang tempoh pelaksanaan pembelajaran atas talian?
- iii. Apakah faktor tekanan daripada aspek peribadi pelajar Kolej Universiti Islam Melaka sepanjang tempoh pelaksanaan pembelajaran atas talian?

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk melihat kepentingannya pada masa akan datang sekiranya pelajar mahupun pensyarah perlu berdepan lagi dengan wabak penyakit lain seperti yang telah dilalui pada hari ini. Oleh yang demikian, beberapa pihak yang berkaitan dilihat mempunyai kepentingan terhadap kajian ini. Antaranya ialah pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia, pihak Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan pengurusan tertinggi IPT. Pihak-pihak yang berkaitan perlu memandang serius akan faktor-faktor tekanan yang dialami pelajar di IPT sepanjang tempoh pelaksanaan pembelajaran atas talian ini dijalankan dan boleh membuat perancangan yang teliti untuk dilaksanakan pada masa akan datang.

TINJAUAN LITERATUR

Pandemik Covid-19 telah menggemparkan seluruh dunia pada hari ini apabila terdapat pelbagai sektor yang terjejas akibat daripada wabak ini termasuk sektor pendidikan. Hal ini mengakibatkan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) turut mengubah kaedah pelaksanaan pendidikan kepada pembelajaran atas talian sepenuhnya. Oleh hal yang demikian, golongan pelajar merupakan kelompok yang sinonim akan melalui fasa-fasa dalam proses pembelajaran atas talian di institusi mereka. Justeru itu, golongan pelajar di IPT juga tidak terkecuali daripada menghadapi tekanan dalam kehidupan mereka. Tekanan memfokuskan kepada kecelaruan psikologi individu yang berpunca daripada masalah persekitaran (Abd. Rahman Yaacob *et al.*, 2013). Selain itu, Khan *et al.*, (2013) mendapatkan bahawa faktor tekanan dalam kalangan pelajar ialah tekanan keluarga, tekanan emosi, tekanan kewangan dan tekanan sosial.

Tekanan Pelajar daripada Aspek Pembelajaran

Menurut Thawabieh dan Qaisy (2012) menegaskan bahawa peperiksaan, tugas dan keperluan lain di universiti adalah antara punca pelajar menghadapi tekanan dalam pembelajaran melebihi keupayaan mereka. Dunia akademik kini kian mencabar di mana golongan pelajar cemerlang bertungkus lumus untuk mendapatkan keputusan yang baik. Tambahan pula, pencapaian akademik memberi tanggapan bahawa pekerjaan yang mudah diperoleh akibat daripada faktor persaingan dan tekanan pembelajaran semakin meningkat (Md Daud Ismail, Nur Syuhada Md Zain dan Roshayati Abdul Hamid, 2016).

Perkara yang sering dialami pelajar lebih kepada tekanan pembelajaran. Hal ini kerana, kejutan budaya dalam kalangan pelajar untuk merasai proses pembelajaran yang berbeza daripada persekolahan terdahulu (Mohd Arif Johari dan Soadah Ahmad, 2019). Kajian Grubic, Badovinac dan Amer (2020) menjelaskan bahawa pandemik ini turut mempengaruhi motivasi diri dan memberi tekanan kepada pelajar terutamanya dalam aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Tekanan Pelajar daripada Aspek Kewangan

Masalah kewangan adalah antara faktor utama yang dihadapi pelajar di IPT dalam kehidupan mereka. Lantas timbul persoalan sama ada golongan pelajar mampu berhadapan dengan konflik kewangan, iaitu konflik daripada segi perbelanjaan dalam tempoh pengajian berikutan pandemik Covid-19 yang melanda pada hari ini. Oleh itu, masalah kewangan ini turut memberi bebanan dan tekanan kepada pelajar. Hal ini turut dipersetujui kajian Siti Nuur Haziratul (2012) yang mengatakan bahawa masalah kewangan merupakan salah satu punca tekanan dalam kalangan pelajar di mana pelajar cenderung untuk berasa risau dan bimbang yang berterusan sehingga menyebabkan tekanan dalam diri mereka.

Namun, apabila golongan pelajar ini mengalami masalah kewangan, maka mereka mudah terdedah kepada tekanan dalam menguruskan perbelanjaan sehari-hari. Jika pelajar bijak mengendalikan kewangan, mereka dapat menjauhkan diri daripada terjebak dalam masalah kewangan dan tekanan. Kebanyakan pelajar yang mempunyai masalah kewangan ini berpunca daripada keluarga berpendapatan rendah (Norain *et al.*, 2019). Masalah kewangan yang melanda seseorang boleh mengakibatkan individu tersebut berada dalam keadaan runsing, tertekan dan murung serta boleh membawa kepada gejala sosial yang tidak sihat seperti peras ugut, merompak, mencuri dan cenderung untuk membunuh diri (Nurul Aini Muhammad, 2016).

Tekanan Pelajar daripada Aspek Peribadi

Aspek seterusnya berkaitan peribadi pelajar yang turut memberi tekanan dalam akademik. Terdapat sebilangan keluarga yang menekankan peraturan ketat dan mengawal setiap gerak geri anak-anak mereka menyebabkan pelajar hidup tidak bebas, secara tidak langsung mengakibatkan pelajar mengalami tekanan. Hal ini turut dinyatakan oleh Bhat U *et al.*, (2018), bahawa pelajar yang tinggal bersama keluarga mengalami tekanan peribadi yang tinggi berbanding pelajar yang tidak tinggal bersama keluarga.

Irshad *et al.*, (2015) menyatakan bahawa kebanyakan pelajar universiti menghadapi tekanan daripada aspek bebanan kerja, keluarga, rakan-rakan dan pensyarah untuk mengekalkan hasil kerja yang berkualiti serta melaksanakan tugas tepat pada masanya. Hal yang demikian, tekanan turut berlaku disebabkan masalah tidur yang tidak mencukupi. Yadav dan Prakash (2020) juga menjelaskan bahawa pelajar mengalami gangguan psikologi seperti masalah tidur. Oleh itu, apabila pelajar tidak mempunyai tidur yang sempurna, ia akan mengakibatkan tekanan dan mengalami masalah tidak fokus dalam pembelajaran atas talian.

METODOLOGI

Dalam bahagian metodologi kajian, ia dibahagikan kepada reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian, kebolehpercayaan instrumen dan prosedur analisis data.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan deskriptif bagi mendapatkan pandangan pelajar terhadap faktor tekanan pelajar dalam tempoh perlaksanaan pembelajaran atas talian. Kaedah tinjauan ini merupakan kaedah yang sesuai digunakan dalam pelbagai bidang, ini kerana kaedah kuantitatif membolehkan data dikumpulkan dan dianalisis secara empirikal dan sistematik bagi menghasilkan maklumat dan pengetahuan tentang pendapat, sikap dan amalan terhadap sesuatu fenomena.

Sampel Kajian

Populasi responden kajian seramai 245 orang merupakan pelajar semester 5 bagi program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Bahasa dan Pendidikan, Kolej Universiti Islam Melaka. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), saiz sampel yang sesuai untuk kajian ialah sekitar 148 orang sahaja. Ini bermakna bilangan sampel kajian ini adalah seramai 205 orang adalah lebih besar daripada bilangan sampel yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Kaedah pensampelan yang digunakan adalah secara rawak mudah yang mana responden kajian ini merupakan pelajar-pelajar semester 5 yang masih dalam pengajian serta mempunyai pengalaman melalui kedua-dua kaedah pembelajaran iaitu secara bersemuka sebelum pandemik Covid-19 dan juga pembelajaran secara atas talian semasa pandemik Covid-19 melanda dunia. Data yang telah dikumpulkan akan dikodkan, direkodkan dan dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0 dengan menggunakan skor min.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik. Soal selidik kajian ini telah diadaptasi dan dimodifikasi daripada soal selidik kajian Faktor Tekanan Pelajar Kolej Komuniti Negeri Johor semasa Perintah Kawalan Pergerakan oleh Norhana Ahad *et al.*, (2020).

Instrumen kajian ini terbahagi kepada tiga aspek, iaitu aspek kesediaan pembelajaran, aspek kewangan dan aspek peribadi. Kaedah skala lima likert telah digunakan sebagai pilihan jawapan responden kajian bagi mengenal pasti tahap faktor tekanan pelajar sepanjang dalam tempoh pelaksanaan pembelajaran atas talian.

Skala lima likert digunakan untuk membantu kajian ini untuk mengenal pasti persepsi dan penilaian responden terhadap item-item yang dibangunkan. Jadual 1.1 di bawah menunjukkan skor penilaian bagi skala lima likert yang digunakan.

Jadual 1.1: Skor Skala Lima Likert

Pernyataan	Skor
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Kurang Pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

Kebolehpercayaan Instrumen

Bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan (*Cronbach's Alpha*) instrumen kajian ini, satu kajian rintis telah dijalankan yang melibatkan seramai 30 orang responden memandangkan kiraan instrumen ini akan berfungsi sekiranya sampel (*n*) melebihi 30 orang (Ghazali dan Sufean, 2018).

Nilai pekali kebolehpercayaan yang diperoleh hasil daripada kajian rintis akan dibandingkan dengan Jadual Nilai Kebolehpercayaan (Lim, 2007) seperti yang berikut bagi mengenal pasti item yang memerlukan penambahan, pengubahsuaian atau disingkirkan daripada instrumen kajian.

Jadual 1.2: Nilai Kebolehpercayaan

Pekali kebolehpercayaan	Tahap kebolehpercayaan
.90 dan ke atas	Amat baik
.80-.89	Baik
.60-.79	Sederhana
.40-.59	Diragui
.00-.39	Ditolak

Analisis kebolehpercayaan instrumen kajian ini telah menunjukkan nilai *Cronbach's Alpha* ialah .83. Ini menunjukkan bahawa nilai pekali kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* bagi kajian ini adalah amat baik dan mempunyai ketekalan dalaman yang melebihi .70. Oleh itu, instrumen kajian ini sesuai digunakan untuk fasa kajian yang sebenar.

Prosedur Analisis Data

Bagi mengenal pasti tahap kecenderungan pelajar terhadap faktor tekanan yang dihadapi sepanjang pelaksanaan pembelajaran atas talian, kajian ini diukur dari tiga aspek, iaitu aspek pembelajaran, aspek kewangan dan aspek peribadi.

Kajian ini telah menggunakan dan merujuk kepada interpretasi skor min yang dikemukakan seperti jadual yang berikut.

Jadual 1.3: Interpretasi Skor Min

Tahap	Skor Min
1.00 hingga 1.89	Sangat Rendah
1.90 hingga 2.69	Rendah
2.70 hingga 3.49	Sederhana
3.50 hingga 4.29	Tinggi
4.30 hingga 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2006)

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian merangkumi tiga faktor tekanan yang dihadapi oleh pelajar Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) daripada aspek pembelajaran pelajar, aspek kewangan dan aspek peribadi sepanjang tempoh pelaksanaan pembelajaran atas talian.

Faktor Tekanan Pelajar KUIM dari Aspek Pembelajaran Pelajar Sepanjang Tempoh Pelaksanaan Pembelajaran Atas Talian

Jadual 1.4 di bawah menunjukkan analisis skor min bagi faktor tekanan yang dihadapi pelajar sepanjang tempoh pelaksanaan pembelajaran atas talian daripada aspek pembelajaran pelajar. Berdasarkan analisis yang telah dibuat, ia menunjukkan nilai min yang paling tinggi adalah pada item kelima, iaitu 4.47 yang mana pelajar menunjukkan rasa tertekan sekiranya tidak dapat menyiapkan tugas yang diberikan dengan baik.

Seterusnya bagi nilai min yang berada di tahap tinggi pula adalah pada item pertama (3.60), item ketiga (3.86) dan item keempat (4.03). ketiga-ketiga item ini mempunyai perkaitan antara satu sama lain yang mana ini menunjukkan pelajar mengalami keletihan fizikal dan mental serta sukar memahami apa yang disampaikan oleh pensyarah ketika kuliah atas talian dijalankan. Walau

Faktor Tekanan dalam Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka

Sepanjang Tempoh Pelaksanaan Pembelajaran Atas Talian

Muhammad Izzat Mailis, Zuriani Hanim Zaini,

Norjumira Abd Raof, Nur Hafizaliyyana Hassan

bagaimanapun, item kedua (3.29) dan item keenam (2.87) menunjukkan bahawa faktor keputusan peperiksaan yang kurang memuaskan dan sikap menangguhkan tugasan yang diberikan oleh pensyarah adalah pada tahap sederhana.

Akhir sekali, item ketujuh dengan nilai min 2.27 menunjukkan faktor sukar mendapat kerjasama dalam tugasan kumpulan berada di tahap rendah. Kesimpulannya, interpretasi bagi menjawab persoalan mengukur faktor tekanan pelajar terhadap pembelajaran atas talian dari sudut kesediaan pembelajaran berada di tahap sederhana. Secara kesimpulannya, tidak dapat menyiapkan tugasan yang diberikan oleh pensyarah merupakan faktor yang paling tinggi yang menyebabkan pelajar tertekan.

Jadual 1.4: Faktor Tekanan Pelajar KUIM dari Aspek Pembelajaran Pelajar

No	Pernyataan	Nilai Min	Tahap
1	Saya sukar memahami apa yang disampaikan oleh pensyarah ketika kuliah atas talian dijalankan.	3.60	Tinggi
2	Saya sering mendapat keputusan peperiksaan yang kurang memuaskan dalam tempoh pembelajaran atas talian dijalankan.	3.29	Sederhana
3	Saya sering mengalami keletihan fizikal seperti kerap jatuh sakit, tidak mendapat tidur yang nyenyak, berasa pening dan mual atau mengalami masalah penghadaman selepas sesi kuliah atas talian berakhir.	3.86	Tinggi
4	Saya sering mengalami keletihan mental seperti mudah marah, tidak bermotivasi untuk melakukan sesuatu, kerap berasa bimbang, berasa ingin menangis tanpa sebab dan gemar mengasingkan diri daripada rakan atau keluarga selepas sesi kuliah atas talian berakhir.	4.03	Tinggi
5	Saya rasa tertekan sekiranya saya tidak dapat menyiapkan tugasan yang diberi dengan baik.	4.47	Sangat tinggi
6	Saya sering menangguhkan semua tugasan yang diberikan oleh pensyarah.	2.87	Sederhana
7	Saya sukar memberikan kerjasama dalam tugasan berkumpulan.	2.27	Rendah
Keseluruhan		3.49	Sederhana

Faktor Tekanan Pelajar KUIM dari Aspek Kewangan Sepanjang Tempoh Perlaksanaan Pembelajaran atas Talian

Jadual 1.5 di bawah menunjukkan analisis skor min bagi faktor tekanan yang dihadapi oleh pelajar sepanjang tempoh pelaksanaan pembelajaran atas talian daripada aspek kewangan. Berdasarkan analisis yang telah dibuat, nilai min yang menunjukkan tahap tinggi adalah pada item kedua (4.26), item ketiga (3.54), item keenam (3.75) dan item ketujuh (3.79).

Analisis ini membuktikan bahawa faktor tekanan pembelajaran atas talian daripada aspek kewangan yang paling tinggi adalah pada faktor pelajar sering berasa malu untuk meminta wang daripada ibu bapa dan pelajar juga hanya mengharapkan wang pinjaman pelajaran untuk memberi keperluan sepanjang pembelajaran atas talian. Seterusnya, pelajar juga menghadapi masalah

kewangan sepanjang tempoh pembelajaran atas talian dan sering meminta wang daripada ahli keluarga untuk memenuhi keperluan pembelajaran atas talian.

Selain itu, item pertama (3.27), item keempat (3.24) dan item kelima (3.41) menunjukkan bahawa keperluan pelajar untuk melakukan kerja sampingan bagi menampung pembelajaran atas talian, tidak dapat membeli barang keperluan yang diperlukan dan tiada wang simpanan untuk waktu kecemasan berada di tahap sederhana. Secara keseluruhannya interpretasi bagi menjawab persoalan mengukur faktor tekanan pelajar terhadap pembelajaran atas talian daripada aspek kewangan juga berada di tahap sederhana.

Jadual 1.5: Faktor Tekanan Pelajar KUIM dari Aspek Kewangan

No.	Pernyataan	Nilai Min	Tahap
1	Saya memerlukan kerja sampingan untuk menampung perbelanjaan sepanjang tempoh pembelajaran atas talian.	3.27	Sederhana
2	Saya sering berasa malu untuk meminta wang daripada ibu bapa.	4.26	Tinggi
3	Saya mempunyai masalah kewangan sepanjang tempoh pembelajaran atas talian.	3.54	Tinggi
4	Saya sering tidak dapat membeli barang keperluan yang diperlukan.	3.24	Sederhana
5	Saya tidak ada wang simpanan untuk waktu kecemasan.	3.41	Sederhana
6	Saya sering meminta wang daripada ahli keluarga untuk memenuhi keperluan pembelajaran atas talian.	3.75	Tinggi
7	Saya hanya mengharapkan wang PTPTN/MARA/Tabung Pendidikan Negeri untuk membeli keperluan bagi pembelajaran atas talian.	3.79	Tinggi
Keseluruhan		3.61	Sederhana

Faktor Tekanan Pelajar KUIM dari Aspek Peribadi Sepanjang Tempoh Pelaksanaan Pembelajaran atas Talian

Jadual 1.6 di bawah menunjukkan analisis skor min bagi faktor tekanan yang dihadapi oleh pelajar sepanjang tempoh pelaksanaan pembelajaran atas talian daripada aspek peribadi. Berdasarkan analisis berikut, nilai min yang tertinggi adalah pada item pertama iaitu sebanyak 4.55. Item ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar sering berasa bimbang tentang masa depan mereka.

Seterusnya diikuti dengan nilai min item ketiga (4.28), item keempat (3.87) dan item ketujuh (3.00), menunjukkan pelajar sering mengalami masalah tidur yang tidak cukup dan berasa takut tanpa sebab serta masalah untuk berkomunikasi dengan pensyarah berada di tahap sederhana. Selain itu, item kelima (2.67) dan item keenam (2.14) yang menunjukkan pelajar mengalami masalah keluarga dan masalah dengan rakan-rakan kelas masing-masing menunjukkan berada di tahap rendah dan sangat rendah.

Secara keseluruhannya, interpretasi bagi menjawab persoalan mengukur faktor tekanan pelajar terhadap pembelajaran atas talian daripada aspek peribadi juga berada di tahap sederhana.

Jadual 1.6: Faktor Tekanan Pelajar KUIM dari Aspek Peribadi

No.	Pernyataan	Nilai Min	Tahap
1	Saya sering berasa bimbang tentang masa hadapan	4.55	Sangat Tinggi
2	Saya sering berasa kurang bersemangat apabila mengetahui rakan-rakan yang lain dapat keperluan fasiliti yang mencukupi daripada keluarga mereka.	3.61	Sederhana
3	Saya sering mengalami masalah tidur yang tidak cukup	4.28	Tinggi
4	Saya sering berasa takut tanpa sebab	3.87	Tinggi
5	Saya mengalami masalah dengan keluarga.	2.67	Rendah
6	Saya mengalami masalah dengan rakan-rakan kelas.	2.14	Sangat Rendah
7	Saya mengalami masalah untuk berkomunikasi dengan pensyarah saya	3.00	Sederhana
Keseluruhan		3.44	Sederhana

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Pandemik yang melanda negara pada hari ini sudah cukup menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat. Hal ini turut dialami segenap penduduk dunia. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan satu inisiatif yang terbaik dikuatkuasakan pihak kerajaan untuk mengurangkan kadar jangkitan wabak Covid-19. Namun begitu, pelaksanaan ini juga turut menambahkan kerisauan dan tekanan kepada individu terutamanya dalam kalangan pelajar di IPT. Kebimbangan daripada aspek akademik sangat mempengaruhi pelajar dalam berdepan dengan fasa pandemik ini. Oleh yang demikian, sudah tentu ia menjadi kerisauan dalam kalangan pelajar kerana daripada segi aspek pembelajaran, kewangan dan peribadi merupakan faktor terpenting yang harus mereka dilalui untuk memastikan kerjaya pada masa hadapan dapat direalisasikan dengan jayanya (Kapasia *et al.*, 2020).

Berdasarkan dapatan kajian yang telah diuraikan dan dianalisis, secara keseluruhannya ia telah merumuskan dan menjawab kepada tiga persoalan kajian yang dikemukakan. Hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa ketiga-tiga aspek yang dikaji, iaitu tekanan daripada segi pembelajaran, kewangan dan peribadi berada pada tahap sederhana. Nilai min yang paling tinggi daripada faktor tekanan pelajar KUIM daripada aspek kewangan (3.61). Diikuti faktor tekanan pelajar KUIM daripada segi aspek pembelajaran (3.49) dan akhir sekali faktor tekanan pelajar KUIM daripada aspek peribadi (3.44).

Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor tekanan pelajar daripada aspek kewangan merupakan masalah utama dalam tempoh pandemik ini untuk menjalani pembelajaran atas talian dengan sebaiknya. Dapatan ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Siti Nuur Haziratul (2012) yang membuktikan bahawa masalah yang timbul dalam golongan pelajar semasa pandemik ini ialah konflik dalam perbelanjaan dan masalah kewangan menyebabkan pelajar bimbang seterusnya menimbulkan tekanan dalam diri mereka. Oleh itu, pelajar perlu bijak dan berdisiplin menguruskan kewangan antara keperluan dan kehendak supaya perbelanjaan mencukupi untuk menampung pembelajaran sepanjang tempoh pengajian.

Bagi faktor tekanan pelajar daripada aspek pembelajaran pula, pelajar yang tidak dapat menyiapkan tugas yang diberi dengan baik dan sering mendapat keputusan peperiksaan yang kurang memuaskan dalam tempoh pandemik memberi tekanan kepada pelajar. Selain itu, pelajar turut

mengalami keletihan fizikal dan kekurangan motivasi diri untuk menjalani pembelajaran atas talian. Para pensyarah boleh meningkatkan keupayaan inovatif bagi menghasilkan proses PdP yang lebih baik. Pendekatan ini boleh mengurangkan risiko pelajar mengalami keciciran pembelajaran secara berterusan. Di samping itu, pihak universiti perlu mengawal dan memperbaiki kaedah PdP supaya pelajar tidak terbeban dan tertekan dengan pembelajaran atas talian. Hal ini turut memudahkan peningkatan prestasi dan produktiviti pelajar. Selain itu, pihak universiti boleh melaksanakan program atau intervensi pengurusan dan pencegahan tekanan secara menyeluruh agar masalah tekanan dapat dicegah dalam kalangan pelajar.

Faktor ketiga iaitu faktor tekanan pelajar daripada aspek peribadi turut berada pada tahap sederhana. Pelajar mengalami tekanan disebabkan masalah tidur yang tidak mencukupi. Ketidakcukupan tidur yang sempurna menjuruskan kepada masalah pelajar tidak dapat memberi perhatian sepenuhnya semasa PdP dijalankan. Pelajar harus menyediakan jadual harian untuk menguruskan masa belajar supaya pelajar tidak berasa tertekan dengan jadual pembelajaran atas talian yang padat. Oleh itu, para pelajar perlu mempunyai kesediaan yang rapi dalam pengurusan dan pengendalian berkaitan pembelajaran atas talian terlebih dahulu untuk memudahkan mereka menjalani PdP dengan sempurna serta mengurangkan tekanan dalam akademik.

Justeru, ia menjadi inisiatif pensyarah untuk mempelbagaikan kemahiran teknologi yang boleh membantu memudahkan proses PdP supaya dapat mengurangkan tekanan melibatkan pembelajaran, kewangan dan peribadi dalam kalangan pelajar. Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya mengenal pasti faktor tekanan yang dominan dalam kalangan pelajar KUIM daripada aspek pembelajaran, kewangan dan peribadi. Di samping itu, diharapkan kajian ini dapat memberi kesedaran kepada semua pihak terutama ibu bapa dan pihak universiti agar lebih peka dengan masalah tekanan yang dialami oleh golongan pelajar. Walaupun kajian ini tidak mewakili keseluruhan pelajar KUIM, namun ia dapat memberi gambaran bahawa terdapat sebilangan pelajar KUIM yang berkemungkinan berhadapan dengan masalah tekanan yang sama. Kesihatan mental pelajar harus diberi perhatian yang serius oleh semua pihak agar mereka dapat meneruskan suasana pembelajaran dengan sempurna.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz Ishak dan Aida Zuraina. (2020). Pembelajaran Atas Talian: Tinjauan Terhadap Kesediaan dan Motivasi dalam Kalangan Pelajar Diploma Logistik dan Pengurusan Rantaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. *Jurnal Dunia Pendidikan*. e-ISSN: 2682-826X | Vol. 2, No. 4, 68-82, 2020.
- Abd. Rahman Yaakob, Ros Aini Ibrahim, Majdi @ Abd Hadi Ishak dan Rashdan Rashid. (2013). Punca STRESS di Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS).
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2006). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP). Kuala Lumpur.
- Bhat U, S., Amaresha, A. C., Kodancha, P., John, S., Kumar, S., Aimam, A., Jain, P. A., and Cherian, A. V. (2018). Psychological Distress Among College Students of Coastal District of Karnataka: A Community-based Cross Sectional Survey. *Asian Journal of Psychiatry*. Vol. 38:20-24.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. (2018). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Grubic, N., Badovinac, S. and Amer M Johri. (2020). Student Mental Health in the Midst of The Covid-19 Pandemic: A Call for Further Research and Immediate Solution. *International Journal of Social Psychiatry*. 1-2.
- Hariayati Ariffin. (2021). Permudahkan Proses Pembelajaran dalam Talian. Artikel daripada Berita Harian Online. Diperoleh semula pada 3 Oktober 2021 melalui laman web <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/01/772819/permudahkan-proses-pembelajaran-dalam-talian>.
- Irshad, S., Saleem, S. A. D. I. A., and Mahmood, Z. (2015). Coping Strategies of University Students: A Validation Study. *Journal of Pakistan Psychiatric Society*. Vol. 1:8-13.
- Khan, K. U. D., Gulzar, S., and Yahya, F. (2013). Crucial Factors Affecting Stress: A Study Among Undergraduates in Pakistan. *International Journal of Asian Social Science*. Vol. 3(2): 428-442.

Faktor Tekanan dalam Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka

Sepanjang Tempoh Pelaksanaan Pembelajaran Atas Talian

Muhammad Izzat Mailis, Zuriani Hanim Zaini,

Norjumira Abd Raof, Nur Hafizaliyana Hassan

- Krejcie, R. V., and Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, Vol. 30(3):607-610.
- Md Daud Ismail, Nur Syuhada Md Zain dan Roshayati Abdul Hamid. (2016). Pembelajaran-e, Tekanan dan Komitmen Belajar dalam Kalangan Pelajar Sains Sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* Vol.19(1): 55-64.
- Mohd Fairuz, Zetty Akmar, Mohd Faiz, Mat Rahimi dan Hapini Awang. (2020). Kesediaan Pembelajaran dalam Talian Semasa Pandemik Covid 19. Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan.
- Mohammad Arif Johari dan Sa'odah Ahmad. (2019). Persepsi Tekanan Akademik dan Kesejahteraan Diri di dalam Kalangan Pelajar Universiti di Serdang, Selangor. *Journal of Social Science (EJOSS)*, Vol. 5(1): 24-36.
- Norhana Ahad, Mohammad Fahmi, Aslinda Mohd Noor dan Zazalli Lazin. (2020). Analisis Faktor Tekanan yang Mempengaruhi Pelajar Kolej Komuniti Negeri Johor Ketika Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, Vol. 2(3): 158-172.
- Norain Mod Asri, Norlaila Abu Bakar, Iman Athira Laili dan Suhaila Saad. (2019). Masalah Kewangan dan Tekanan dalam Kalangan Mahasiswa. *Jurnal Personalia Pelajar*. Vol. 22(2): 113-120.
- Nurul Aini Muhammad. (2016). Wang Uruslah dengan Bijak. Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan. Dimensi Koop, Bil.50.
- Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Selangor: McGraw-Hill (Malaysia).
- Pallant, J. (2011). Survival Manual. A Step By Step Guide To Data Analysis Using SPSS (4th ed.) Crows Nest, New South Wales, Australia: Allen & Unwin.
- Raja Nur Faznie Aida. (2020). Pembelajaran Online Boleh Beri Kesan Kesihatan Mental. Sinar Harian Online. Diperoleh semula pada 3 Oktober 2021 melalui laman web <https://www.sinarharian.com.my/article/112917/KHAS/>.
- Shazarina Zdainal Abidin, Suziana Hanini, Suhana Mohamed Lip, Norshilawani, Natasha Ariffin, Mohamad Fuad dan Sapie Sabilan. (2020). Tekanan Emosi Pensyarah dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian di Era Pandemik Covid-19. Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan (ISPEN 2020). e-ISSN: 2773-5001. 10 November 2020. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Siti Nuur Haziratul Ghazali. (2012). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Stres dalam Kalangan Pelajar Kursus Secara Sambilan Bidang Kejuruteraan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Kertas Projek Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Thawabieh, A.M., and Qaisy, L.M. 2012. Assessing Stress Among University Students. American International. *Journal of Contemporary Research*. Vol. 2(2): 110-116.
- Yadav, J. S., and Prakash, S. (2020). An Assessment of Socio-demographic Profile and Psychological Related Problems in Students Attending Mental Health Clinic Having Poor Academic Performance. *Asian Pacific Journal of Health Sciences*. Vol. 7(1): 104-110.